

# **PENGHANTARAN TUGASAN KERJA PADANG**

## **SBEU 3323 (Space KL)-Semester 2023/2024 (1)**

### 1. Tajuk

Merangkumi pelaksanaan, prosedur, masalah berbangkit atau isu-isu semasa, analisa, penyelesaian mengenai undang-undang tanah, peraturan ukur serta hal-hal berkaitan.

2. Panjang penulisan tidak kurang daripada 2000 perkataan (lebih kurang 10 muka surat kertas A4, tidak termasuk rajah, jadual dan lampiran). Laporan ini mengandungi kedua-dua Amali 1 dan Amali 2.

### 3. Format penulisan:

- i. Tajuk-Ukuran Semula Lot dan Ukuran Pecah Bahagi Bangunan
- ii. Nama penulis-penulis (2 kumpulan) dan email perhubungan

#### Laporan Penulisan (10%)

- i. Pengenalan, objektif, penerangan projek, kawasan kerja luar, perancangan kerja, methodologi, prosedur kerja pengukuran, hasil pengukuran, penyediaan pelan-pelan, rumusan dan lampiran yang berkaitan

#### Pengukuran dan Pembukuan

- i. Ukuran Semula Lot – Buku Kerjalar dan eTSM – Digital Format (40%)
- ii. Pecahan Bahagi Bangunan – Buku Kerjalar – Lukis Tangan (30%)

#### Perisian

- i. iTool - 16 ASCII mengikut format JUPEM (20%)
- ii. SiFUS-Excel format (20%)
- iii. Strata XML - mengikut format JUPEM (Tambahan 5%)

#### Pelan dan Dokumen

- i. Pelan Akui ukuran semula lot mengikut format JUPEM (30%)
- ii. Jadual Petak dan Cadangan Pelan Strata mengikut format JUPEM (50%)

### 4. Sila sertakan sekali dengan digital

- i. Laporan (MS Word & PDF)
- ii. Buku Kerja Luar Ukuran Semula Lot (hardcopy dan digital) dan Pecah Bahagi Bangunan (Hardcopy Lukis Tangan)
- iii. 16 ASCII (PDF & ASCII) dan Excel table format
- iv. Pelan Akui Ukuran Semula Lot, Jadual Petak & Cadangan Pelan Strata (DWG, PDF)

**TUGASAN AMALI 1 (UKURAN SEMULA LOT)**  
**SBEU 3323 (Space)-Semester 2023/2024 (1)**

Pelajar diminta memilih satu kawasan yang mempunyai sebuah bangunan di persekitaran **UTM KL (Bangunan MJIT)** untuk menjalankan ukuran semula lot (boleh membuat rekaan lot) dengan menggunakan cara eKadaster. Pelajar dikehendaki menggunakan bantuan alat GNSS untuk mendirikan tiga (3) CRM di berdekatan dengan kawasan tapak kerja (semua kumpulan dikehendaki berkongsi CRM). Sempadan lot bolehlah mengelilingi kedua-dua blok bangunan tersebut dan mestilah mengambilkiri juga jarak anjakan bangunan Lot-lot tersebut.

Pelajar boleh menggunakan total station untuk membuat ukuran semula lot (gunakan alat sendiri) dan perisian iTool atau perisian yang boleh menjana 16 ASCII untuk melakukan pemprosesan tikaian, pembetulan dan buku kerjalar. Penghasilan **Pelan Akui eKadaster** boleh dihasilkan dengan menggunakan perisian CAD. Akhir sekali, ukuran semula lot dan penghasilan pelan hendaklah mengikut garis panduan terkini yang ditetapkan oleh JUPEM, iaitu Pekeliling KPUP Bilangan 5/2009, KPUP Bilangan 6/2009 dan Surat Pekeliling Bilangan 1/2010.

Pelajar juga dikehendaki mengikut semua peraturan yang ditetapkan oleh UTM, seperti berjaga-jaga dengan kawasan larangan semasa menjalankan ukuran semula lot di kawasan ukur.

## **TUGASAN AMALI 2 (UKURAN PECAH BAHAGI BANGUNAN)**

### **SBEU 3323 (Space)-Semester 2023/2024 (1)**

Pelajar diminta memilih satu kawasan yang mempunyai sebuah bangunan di persekitaran **UTM KL (Bangunan MJIT)** untuk menjalankan ukuran pecah bahagi bangunan. Sebuah bangunan mestilah dijadikan sebagai **bangunan yang telah siap dibina**. Harta bersama-harta bersama yang perlu berada di dalam skim strata seperti pondok pengawal, tempat permainan kanak-kanak dan bilik sampah hendak direka sendiri dan ditunjukkan dalam **Jadual Petak (JP)** dan **Cadangan Pelan Strata (CPS)**.

Nombor-nombor yang dibekalkan adalah seperti berikut:

Kump. 1 - Lot 11749 – No. Skim - 1749, No. Buku Kerja Luar - 1749, No. JP & CPS - 101749.

Kump. 2 - Lot 22749 – No. Skim - 2749, No. Buku Kerja Luar - 2749, No. JP & CPS - 202749.

Pelajar juga dikehendaki menggunakan perisian CAD untuk melukis Jadual Petak (JP) dan Cadangan Pelan Strata (CPS) bersama dengan Excel format - SiFUS. Akhir sekali, penghasilan Jadual Petak (JP) dan Cadangan Pelan Strata (CPS) hendaklah mengikut garis panduan terkini yang ditetapkan oleh JUPEM, iaitu Pekeliling KPUP 1/2015, Jilid I dan Jilid II.

Pelajar juga dikehendaki mengikut semua peraturan yang ditetapkan oleh UTM, seperti berjaga-jaga dengan kawasan larangan semasa menjalankan ukuran pecah bahagi bangunan di kawasan ukur.